



**PENGUNJUNG** akan diberi tunjuk ajar kaedah penjagaan pokok yang disampaikan oleh pegawai pertanian sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM bermula 30 Oktober sehingga 4 November ini.



**PEMINAT** bunga berpeluang mengenali dan membeli pelbagai jenis orkid dengan harga murah sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM.

# 90 gerai pameran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 20 Okt.** - Pelbagai aktiviti serta pameran berteraskan pertanian akan diadakan pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula 30 Oktober sehingga 4 November ini.

UPM menerusi satu kenyataan hari ini berkata, ekspo tersebut yang menampilkan sebanyak 90 lot gerai akan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nasir Mat Dam.

Selain itu, katanya, UPM akan mempamerkan sebanyak 28 produk inovasi hasil penyelidikan yang berkaitan pertanian seperti minyak masak berjenama Afdhal yang dihasilkan daripada ekstrak herba semula jadi dan mampu mengurangkan serapan minyak serta boleh digunakan sehingga 80 kali penggunaan.

“Tema ekspo tahun ini iaitu



‘Mendepani Pertanian’ dilihat sejajar dengan matlamat UPM untuk menarik minat masyarakat. Sehubungan itu, kita turut membuka Klinik Pengembangan Pertanian yang menjemput seramai 12 pakar dari UPM dalam usaha membantu menyelesaikan masalah berkaitan pertanian.

“Pakar dari klinik ini akan membuat demonstrasi tanaman sayur secara fertigas dan hidroponik, kaedah pemasangan semula, pembiahan pokok hiasan serta pelbagai tips yang berkaitan. Peminat orkid juga berpeluang mengenali dan membeli pelbagai jenis orkid dengan harga yang murah pada pameran yang akan diadakan nanti di Astaka Orkid,” katanya.



**ORANG** ramai berpeluang mendapatkan pelbagai jenis durian berkualiti yang dijual sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM.

Dalam pada itu, kenyataan tersebut berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan jualan ternakan UPM

seperti daging lembu dengan harga serendah RM25 sekilogram, daging rusa RM39.20 dan susu lembu ber-

harga RM6.50 di Gerai Jualan Putra Mart Taman Pertanian Universiti (TPU).

Menurutnya, pengunjung turut berpeluang menyaksikan dan mengambil bahagian dalam pelbagai cara yang dijalankan pada ekspo berkenaan yang diusahakan oleh kakitangan dan pelajar UPM.

“Kita turut menganjurkan acara lain untuk penggemar aktiviti lasak seperti larian merentas ladang dan Cabaran Merentas Halangan Rakan Muda yang menguji kekuatan fizikal dan mental peserta.

“Pelbagai hadiah menarik akan disediakan untuk peserta yang bertanding. Mereka juga boleh mengambil bahagian dalam acara dan aktiviti riadah yang lain seperti pertandingan melukis dan mewarna, cabutan bertuah serta explore,” katanya.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Jawatankuasa Pesta di talian 03-89467301/89467299/89466003 atau Urus setia Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen, Mohd. Pauzi Abd. Karim di talian 017-3391650.